

08 JUL 1998

Singapura-POA

SINGAPURA JELASKAN ISU MENGENAI BUTIR PERJANJIAN (POA)

KUALA LUMPUR, 8 Julai (Bernama) -- Kementerian Undang-undang Singapura malam ini menjelaskan bahawa isu pemindahan kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) dari stesen kereta api Tanjong Pagar ke kawasannya sendiri ialah isu yang berbeza dan berasingan daripada Butir-Butir Perjanjian (POA).

Kementerian itu berkata ia juga merupakan isu yang berasingan daripada status tanah KTM Berhad di Singapura atau stesen kereta api di Tanjong Pagar.

"Ia adalah hak kedaulatan mana-mana negara untuk memeriksa kemasukan ke kawasannya di sempadannya seperti yang dilakukan untuk kapal, kereta dan kapal terbang antara Singapura dan negara-negara lain termasuk Malaysia," kata kementerian itu dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tinggi Singapura di sini.

Kenyataan itu bertujuan memberi penjelasan kepada laporan akhbar New Straits Times (NST) yang memetik Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai berkata bahawa POA dengan Singapura berhubung pembangunan tanah KTM Berhad di negara itu tidak disahkan oleh kabinet atau kerajaan.

Kementerian itu juga menjelaskan bahawa CIQ bersama di Tanjong Pagar itu diteruskan daripada zaman penjajahan apabila British memerintah Singapura dan Tanah Melayu.

"Pemindahan CIQ Singapura, oleh itu, tidak ada kena mengena dengan Butir-butir Perjanjian (POA). Ia tidak bergantung kepada POA," kata kementerian itu.

"Ia juga tidak menjejaskan status perundangan POA berhubung tanah KTM Berhad di Singapura atau di stesen Tanjong Pagar di bawah POA.

"Tiada apa di dalam POA yang mensyaratkannya supaya disahkan oleh Kabinet, Kerajaan atau Parlimen negara-negara berkenaan," kata kementerian itu.

Menurut kenyataan itu POA yang ditandatangani oleh bekas Perdana Menteri Lee Kuan Yew dan bekas Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin ialah perjanjian kerajaan ke kerajaan antara Singapura dan Malaysia yang berkuatkuasa pada 27 Nov 1990.

--BERNAMA

HAK NAK